

# Pulau Pinang tunggu pelaksanaan pembesaran Empangan Mengkuang [METROTV]

Artikel ini disiarkan pada : Sabtu, 9 January 2021

Nur Izzati Mohamad

am@hmetro.com.my



Bukit Mertajam: Kerajaan negeri masih menunggu pelaksanaan Projek Pembesaran Empangan Mengkuang (MDEP) bagi Fasa 2B dan 2C yang dijanjikan Kerajaan Pusat selepas Fasa 1 dan 2A siap serta sudah diserahkan pada Oktober tahun lalu.

Ketua Menteri Pulau Pinang Chow Kon Yeow berkata, kedua-dua fasa projek itu kini tertangguh dan kerajaan negeri menunggu pelaksanaannya bagi memastikan bahawa projek simpanan strategik kemarau dapat berfungsi semaksimum mungkin.

"Oleh itu, walaupun secara rasminya Kerajaan Persekutuan menyerahkan Empangan Mengkuang yang diperbesarkan kepada Pulau Pinang namun kisah penuh MDEP belum tamat dan kita menunggu fasa seterusnya dilaksanakan seperti yang dijanjikan.

"Kita amat memerlukan empangan ini khususnya untuk mengurangkan risiko kekurangan air pada musim kering yang berpanjangan," katanya.

Beliau berkata demikian di majlis penyerahan Empangan Mengkuang kepada Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP) dan Pembukaan Rasmi Empangan berkenaan di sini, hari ini.

Projek Fasa 2B bakal menyaksikan pemasangan saluran paip air mentah sepanjang tujuh kilometer (km) berdiameter 1.6 meter (m) dari Rumah Pam Mak Sulong ke Terusan Sungai Dua yang mana kini masih dalam peringkat pengambilan tanah.

Fasa 2C pula adalah pembinaan Rumah Pam Lahar Yooi 440 juta liter sehari (JLH) yang mana fasa itu kini dalam peringkat kajian pelaksanaan untuk membina baraj baharu di Rantau Panjang dan ia tertakluk kepada pertimbangan Kerajaan Pusat.

Terdahulu, projek Fasa 1 iaitu pembesaran empangan dan kerja-kerja berkaitan serta Fasa 2A iaitu penaiktarafan Rumah Pam Mak Sulong siap pada 2017 sebelum Kementerian Alam Sekitar dan Air (KASA) menyerahkannya kepada kerajaan negeri pada 26 Oktober tahun lalu.

Keseluruhannya, keempat-empat fasa projek berkenaan menelan perbelanjaan kos RM1.2 bilion.



*CHOW Kon Yeow merasmikan Majlis Penyerahan Empangan Mengkuang sambil disaksikan Datuk Ir Jaseni Maidinsa (kiri) di Empangan Mengkuang, Bukit Mertajam. FOTO Nur Izzati Mohamad*

Sementara itu, Ketua Pegawai Eksekutif PBAPP Datuk Ir Jaseni Maidinsa berkata, pihaknya dimaklumkan bahawa tender projek Fasa 2B sudah dibuka dan dijangka tamat pada bulan hadapan.

"Projek Persekutuan memerlukan penilaian terlebih dahulu dan apabila ia diluluskan kelak projek Fasa 2B ini dijangka mengambil masa selama 24 bulan untuk disiapkan."

"Kita sedia bekerjasama dengan KASA untuk memastikan projek mustahak bagi kedua-dua fasa ini dapat diteruskan," katanya.